

SHAH ALAM, 9 JULAI (BE BERNAMA) -- KEJAYAAN PROJEK KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, ADALAH BUKTI KEMAMPUAN MALAYSIA DAN RAKYATNYA DALAM BIDANG PEMBUATAN KERETA, PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA HARI INI.

+ USAHA YANG GIGIH, PENUH DEDIKASI SERTA SANGGUP PULA MENGHADAPI CABARAN PASTI AKAN MENCAPI MATLAMAT YANG DIKEHENDAKI, + KATA BELIAU.

BERUCAP MERASMIKAN PEMBUKAAN KILANG KERETA NASIONAL DAN PELANCARAN +PROTON SAGA+ DI SINI, BELIAU BERKATA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM PERINDUSTRIAN BERAT ADALAH UNTUK MEMPERLUAS DAN MENGUKUHKAN ASAS PERINDUSTRIAN NEGARA DALAM USAHA MENCAPI TARAF SEBAGAI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN.

MESKIPUN MALAYSIA BARU SAHAJA MENCEBURI BIDANG PERINDUSTRIAN, IA AKAN BERJAYA DENGAN SEPENUHNYA SEKIRANYA RAKYAT SANGGUP BEKERJA KERAS, BERDISIPLIN DAN MENGURUS DENGAN CEKAP DAN JUJUR, TAMBAH PERDANA MENTERI.

+ PADA HARI INI, MALAYSIA MELANGKAH SETAPAK LAGI KE HADAPAN KE ARAH PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.

+ KILANG KERETA NASIONAL DAN PENGELUARAN PROTON SAGA ADALAH BUKTI KESANGGUPAN KITA UNTUK MENCAPI OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMANDU UJI UNIT PERTAMA + PROTON SAGA + SELEPAS PELANCARAN TERSEBUT.

KILANG BERTAMBAH \$550 JUTA ITU DIJANGKA MENGELUARKAN 7,500 UNIT DARI SEKARANG HINGGA DISEMBER TAHUN INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN PROJEK ITU MEMBAWA ERTI YANG BESAR BAGI EKONOMI NEGARA.

+ DI SAMPING KITA BERBANGGA DAPAT MENGELUARKAN KERETA SENDIRI, PROJEK INI AKAN MENJADI NADI PENGGERAK BAGI PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI SAMPINGAN, + KATANYA LAGI.

BELIAU BERKATA, MELALUI PROJEK KERETA NASIONAL, INDUSTRI MEMBUAT KOMPONEN BOLEH MENCAPI TARAF KEMAMPUAN KEJURUTERAAN DAN PENYERAPAN TEKNOLOGI YANG TINGGI.

DI SAMPING ITU JUGA, SEKTOR PEMBUAT KOMPONEN AKAN MEMBUKA PELUANG-PELUANG PELABURAN DAN PEKERJAAN KEPADA RAKYAT NEGARA, TAMBAH PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INDUSTRI KERETA JUGA MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI SAMPINGAN YANG LAIN SEPERTI INDUSTRI LOGAM, INDUSTRI BERASASKAN GETAH DAN PLASTIK, KATANYA.

BELIAU MENYERU INDUSTRI KOMPONEN KERETA SUPAYA MEMPERTINGKATKAN LAGI MUTU DAN KECEKAPAN PENGELUARAN MEREKA SUPAYA BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBEKALKAN PASARAN TEMPATAN TETAPI JUGA MENEMBUSI PASARAN LUAR NEGERI.

+ USAHA-USAHA HENDAKLAH DIBUAT DALAM BIDANG KEMAJUAN BARANGAN SUPAYA MUTU BARANGAN YANG DIKELUARKAN OLEH PENGELUAR-PENGELUAR TEMPATAN SENTIASA DIJAGA, + KATA BELIAU.

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI MEMUJI PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BHD (PROTON) KERANA TELAH MENUBUHKAN JABATAN PENYELIDIKAN PROTON DENGAN MENJALANKAN KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA PENGELUARAN PROTON SAGA ADALAH SANGAT TEPAT PADA MASANYA DALAM USAHA KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN PENGALIRAN KELUAR TUKARAN ASING DENGAN MENGGALAKAN PEMBELIAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA.

BELIAU MENYERU RAKYAT MEMBERI SOKONGAN DAN MEMBELI PROTON SAGA YANG MUTUNYA ADALAH SETARAF DENGAN KERETA-KERETA YANG DIBUAT DI LUAR NEGERI.